

02/04/2003

Larian belia isi Tabung Keamanan Antarabangsa

Nor Afzan Mohamad Yusof; Shaarani Ismail

KUALA LUMPUR: Majlis Belia Malaysia (MBM) akan mengadakan Larian Belia Malaysia untuk mengisi Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia dalam usaha meringankan penderitaan rakyat Iraq.

Larian yang dianjurkan bersama 39 badan gabungan MBM serta pertubuhan media akan diadakan serentak di semua negeri dan daerah pada 4 Mei. Di ibu

kota, larian itu diadakan di Dataran Merdeka.

Presiden MBM, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata larian itu yang akan disertai 10,000 penduduk pelbagai peringkat umur diharap dapat mengumpul sekurang-kurangnya RM250,000.

"Semua kutipan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad di Stadium Nasional Bukit Jalil sempena sambutan Hari Belia Negara pada 15 Mei ini," katanya pada sidang media selepas mesyuarat

Dewan Tertinggi MBM di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden Kebangsaan Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM), Lim Joo Kiat dan Timbalan Majlis Belia Hindu Malaysia (MBHM), P Rajendran.

Sementara itu, Lim berkata, semua pertubuhan belia Tiong Hua yang bernaung di bawah YMM akan turut mengumpul kira-kira RM100,000 bagi mengisi tabung itu.

Rajendran pula berkata, pihaknya mulai semalam bergerak ke seluruh negara bagi melancarkan kutipan derma.

Organisasi dan badan korporat yang berminat membuat sumbangan boleh menghubungi Sekretariat MBM di talian 03-91732761/63, faksimili 03-91732759 atau e-mel: mbm@belia.org.my.

Sumbangan juga boleh disampaikan kepada pejabat cawangan New Straits Times, Berita Harian dan Harian Metro di seluruh negara, ibu pejabat atau

pejabat cawangan Utusan Melayu (M) Bhd, Sistem Televisyen Malaysia Sdn Bhd

(TV3) dan Star Publications (M) Sdn Bhd.

Sementara itu, Kumpulan Berjaya semalam menyumbang RM250,000 kepada tabung berkenaan, sumbangan terbesar setakat ini yang diterima daripada syarikat swasta.

Mengumumkan sumbangan itu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata berita itu disampaikan kepadanya oleh Pengerusi dan Ketua

Pegawai Eksekutif Berjaya Sports Toto Berhad, Tan Sri Vincent Tan.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata sumbangan yang dikutip agensi kementerian itu untuk tabung berkenaan akan disimpan dalam akaun Yayasan Kebajikan Negara.

Beliau berkata, ini bagi memudahkan urusan penyaluran dan mengelakkan orang ramai keliru atau berlaku penyalahgunaan derma yang terkumpul.

"Semua maklumat mengenai kutipan derma ini perlu direkodkan dan disimpan

dengan teratur bagi mengelakkan timbul isu penyalahgunaan derma yang

dikumpul," katanya pada majlis pelancaran kutipan derma tabung berkenaan oleh badan bukan kerajaan dan Rukun Tetangga di kementerian itu, semalam.

Dr Siti Zaharah berkata pada 1 Jun depan, semua pejabat atau institusi di peringkat akar umbi akan menyampaikan derma yang dikumpul kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat atau Jabatan Perpaduan Negara peringkat daerah.

"Pejabat atau jabatan ini akan menyampaikan semua cek ini termasuk cek masing-masing kepada Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perpaduan Negara. Kedua-dua jabatan ini akan mengumpul dan menyampaikan semua cek ini kepada kementerian," katanya.